

[BERITA](#) [SUKAN](#) [DUNIA](#) [HIBURAN](#) [BISNES](#) [RENCANA](#) [WANITA](#) [HUJUNG MINGGU](#) [BH KAPSUL](#) [COVID-19 VAKSIN](#)[OLIMPIK 2020](#)[NASIONAL](#) [KES](#) [POLITIK](#) [PENDIDIKAN](#) [WILAYAH](#)

30,000 penjawat awam belum daftar vaksin

Oleh Noorazura Abdul Rahman - September 16, 2021 @ 1:56pm
bhnews@bh.com.my



Presiden CUEPACS, Adnan Mat, (kanan) menyerahkan sumbangan tiga unit respirator pembersih udara berkuasa (PAPR)

kepada Timbalan Pengarah Perubatan Hospital Sultanah Bahiyah, Dr Siti Norhani Mazrah Khalid. - Foto

NSTP/NOORAZURA ABDUL RAHMAN

ALOR SETAR: Kira-kira 30,000 penjawat awam yang belum mendaftar untuk menerima vaksin diminta akur dengan saranan kerajaan bagi membantu negara membentuk imuniti kelompok dengan lebih cepat.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Adnan Mat, berkata ini kerana kakitangan kerajaan adalah pelaksana dasar kerajaan, yang pastinya perlu terlebih dahulu mengamalkan dasar terbabit, termasuk yang berkaitan vaksin.

"Dalam bahasa mudah kita adalah pekerja kerajaan yang menerima arahan dan menjalankan dasar kerajaan, sudah tentulah kakitangan awam ini perlu patuh dengan arahan kerajaan.

"Penjawat awam ini juga adalah petugas barisan hadapan yang menjadi ejen utama untuk rakyat kembali pulih membina ekonomi ketika pandemik, mereka bertugas dalam sistem penyampaian kepada rakyat, memang sangat penting mereka menerima vaksin," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyerahkan sumbangan tiga unit respirator pembersih udara berkuasa (PAPR) kepada Hospital Sultanah Bahiyah (HSB), di sini, hari ini.

Sumbangan disampaikan kepada Timbalan Pengarah Perubatan HSB, Dr Siti Norhani Mazrah Khalid.

Mengulas lanjut, Adnan berkata, ketua jabatan juga perlu memainkan peranan untuk memantau dan memastikan setiap penjawat awam di bawah seliaannya menerima suntikan vaksin.

Katanya, penjawat awam yang belum mendaftar, boleh mengambil vaksin secara terus di pusat pemberian vaksin (PPV) di setiap daerah.

"Mungkin dalam situasi sekarang, ada penjawat awam yang leka tidak mendaftar kerana bekerja dari rumah (BDR), ada juga yang tidak mendaftar kerana ada penyakit atau alahan tertentu, jadi ketua jabatan boleh mengambil pendekatan untuk berjumpa dengan mereka untuk mengetahui apa sebenar masalah yang dihadapi sehingga tidak mendaftar.

"Saya yakin selepas dibenarkan 100 peratus semua agensi kerajaan kembali bekerja di pejabat masing-masing, ketua jabatan boleh terus pantau pekerja mereka supaya lebih ramai yang terima vaksin," katanya.

Sementara itu, Dr Siti Norhani, berkata hampir 400 katil atau 36 peratus daripada 1,108 katil pesakit di HSB digunakan untuk merawat pesakit COVID-19.

Katanya, daripada jumlah itu, sebanyak 44 katil adalah untuk pesakit COVID-19 yang kritikal di unit rawatan rapi (ICU) hospital berkenaan.

"Penggunaan katil kita di ICU sentiasa melebihi 100 peratus, kita terpaksa guna wad kelas satu dan dilengkapi dengan mesin pernafasan.

"Ramai antara mereka adalah pesakit kategori empat dan lima serta orang muda yang berusia antara 20 tahun dan 30 tahun. Ada antara mereka yang belum lengkap vaksin dan ada juga yang sudah lengkap vaksin tapi belum cukup tempoh 14 hari," katanya.